

Tindakan Britain keluar EU tidak beri kesan terhadap mata wang negara

Nilai ringgit semakin kukuh

Kosmo
27/16
mls 5

Oleh MOHD. TURMADZI MADUN

KUALA LUMPUR – Penguatan mata wang ringgit di pasaran global dijangka berterusan sehingga musim haji September depan ekoran keputusan Britain yang bertindak meninggalkan Kesatuan Eropah (EU).

Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd., Mohd. Afzanizam Abdul Rashid berkata, terdapat beberapa faktor yang menyokong pengukuhan ringgit yang kini berada pada kedudukan 3.99 berbanding 4.02 kelmarin.

Katanya, Rizab Persekutuan Amerika Syarikat yang dijangka mengekalkan kadar faedah pada tahun ini dan peningkatan harga minyak dunia merupakan faktor utama pengukuhan tersebut.

“Selain itu, komitmen bank pusat di serata dunia yang menyokong kadar kecairan di pasaran wang juga membantu menyuntik keyakinan para pelabur terhadap kesan keputusan Britain itu terhadap ekonomi global.



NAZRI KHAN



MOHD. AFZANIZAM



KERATAN Kosmo! 25 Julai 2016.

INFO Kadar pertukaran mata wang asing kepada RM

Mata wang/ Tarikh	AS\$1 (AS)	£1 (Britain)	S\$1 (Singapura)	Rp 100 (Indonesia)
1 Julai 2016	RM3.99	RM5.31	RM2.96	RM0.03
1 Jun 2016	RM4.15	RM5.97	RM3.01	RM0.03
1 Julai 2015	RM3.76	RM5.88	RM2.78	RM0.02

“Namun, masih terlalu awal untuk kita terus berasa selesa kerana masih lagi terdapat banyak ketidakpastian terutamanya proses yang bakal berlaku serta kesannya di rantau Eropah,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Semalam mata wang ringgit menunjukkan pengukuhan apa-

bila mencatatkan RM3.99 untuk setiap AS\$1 pada dagangan awal pagi apabila diniagakan.

Ringgit juga diniagakan tinggi berbanding mata wang utama lain. Ia meningkat berbanding dolar Singapura kepada 2.96 daripada 2.98 kelmarin dan meningkat berbanding yen kepada 3.87 daripada 3.91 sebelumnya.



NILAI mata wang ringgit dijangka kukuh berbanding mata wang asing lain menjelang September depan. – Gambar hiasan

Sementara itu, Ketua Penyelidikan Runcit Affin Hwang Investment Bank, Datuk Nazri Khan Adam Khan berkata, tindakan Britain meninggalkan EU tidak memberi kesan teruk seperti dijangka terhadap nilai ringgit.

“Penguatan ini dijangka berterusan sehingga hujung

tahun ini kerana UK diberi tempoh selama dua tahun untuk keluar daripada EU.

“Ia sudah tentu memberi manfaat kepada jemaah haji kerana kadar tukaran ringgit berbanding riyal akan bertambah kerana kejayaan Britain mengawal kesan kerosakan ekoran tindakan tersebut,” katanya.